

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/29 - 46

### **MAJLIS SERAH TUGAS PENGARAH NEGERI PEJABAT PENGARAH NEGERI JOHOR, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Johor Bahru, 29 September 2019 - Pengarah Negeri Pejabat Pengarah Negeri (PPN) Johor Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Encik Adenan bin Che Semail pada hari ini menandatangani dan menyempurnakan penyerahan nota serah tugas beliau kepada bakal Pengarah Negeri PPN Johor yang baharu iaitu Encik Md Kamal bin Johan dalam Majlis Serah Tugas Pengarah Negeri PPN Johor yang diadakan di Menara Hasil Johor Bharu.

Upacara tersebut disaksikan oleh Dato' Sri Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Majlis kemudian diteruskan dengan upacara pertukaran dokumen serah terima tugas oleh Encik Adenan bin Che Semail kepada Encik Md Kamal bin Johan yang akan menyandang jawatan sebagai Pengarah Negeri PPN Johor berkuatkuasa pada 15 Oktober 2019.

Untuk rekod, Encik Adenan (56) telah bertugas di LHDNM selama hampir 29 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang percukaian. Beliau telah berkhidmat di beberapa Jabatan dan Cawangan LHDNM sebelum mengetuai LHDNM Johor pada 1 Oktober 2018 yang lalu. Beliau akan berpindah dan bertugas sebagai Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2019.

Manakala Encik Md Kamal (56) telah berkhidmat di LHDNM selama hampir 28 tahun dan mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang percukaian terutamanya dalam konteks pematuhan dan siasatan. Sebagai anak jati Johor, beliau telah berkhidmat di beberapa Cawangan di Johor seperti di Cawangan Kluang dan Cawangan Johor Bahru sebelum ditugaskan di Jabatan Pematuhan Cukai sebagai Pengarah Bahagian Bantuan Teknikal Audit. Berdasarkan pengalaman dan kepakaran beliau dalam bidang percukaian dan pematuhan terutamanya dalam konteks negeri Johor, beliau telah dipilih untuk menjadi Pengarah Negeri PPN Johor dan seterusnya akan membantu usaha kerajaan untuk mengutip hasil cukai demi kemakmuran negara.



Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah Datuk Hj Md Afendi Datuk Hj Hamdan (Anggota Lembaga LHDNM), Datuk Mohd Nizom bin Sairi (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif [Operasi Percukaian]) LHDNM, barisan pengurusan tertinggi LHDNM Johor Bahru dan pegawai-pegawai LHDNM.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 29 September 2019**

LHDN  
MALAYSIA



**Gambar 1 : Dato' Sri Sabin bin Samitah meyampaikan ucapan semasa majlis berlangsung.**



**Gambar 2: Dato' Sri Sabin bin Samitah (tengah) menyaksikan Encik Adenan bin Che Semail (kiri gambar ) menyerahkan nota serah tugas kepada Encik Md Kamal bin Johan (kanan gambar).**



**Gambar 3: Dari kiri gambar :**

- I. Encik Adenan bin Che Semail, Pengarah Negeri PPN Johor;**
- II. Datuk Hj Md Afendi bin Datuk Hj Hamdan (Anggota Lembaga LHDNM);**
- III. Dato' Sri Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM;**
- IV. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian); dan**
- V. Encik Md Kamal bin Johan, Pengarah Bahagian Bantuan Teknikal Audit, Jabatan Pematuhan Cukai.**